

01/05/2003

Keluarga bahagia elak penganiayaan

PUTRAJAYA: Aktiviti yang menjurus kepada pengwujudan keluarga bahagia adalah satu-satunya cara melindungi wanita dan kanak-kanak daripada dianiaya.

Isteri Pemangku Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, berkata ini kerana keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak bukan saja berlaku di medan peperangan malah dalam keluarga dan kehidupan seharian masyarakat.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia berkata, wanita dan kanak-kanak adalah amanah yang perlu dilindungi, dibelai dan dicurahkan kasih sayang, bukannya menjadi mangsa kerakusan manusia.

"Semua pihak perlu berusaha mewujudkan keluarga penyayang dan sejahtera sekali gus dapat menangani masalah sosial dan kepingangan dalam masyarakat," katanya.

Endon berucap merasmikan Mesyuarat Agung ke-21 Puspanita Cawangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Dewan Serbaguna kementerian itu di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KDN, merangkap Penasihat Puspanita Cawangan KDN, Datuk Seri Aseh Che Mat dan Pengerusinya, Datin Seri Khadijah Mohd Yassin.

Endon berkata, cara terbaik membina keluarga bahagia ialah melapangkan masa melakukan aktiviti bersama seperti beriadah, bercuti dan lain-lain.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyarankan rakyat dipupuk dengan nilai baik dan memberi penekanan kepada perilaku moral dan etika berasaskan agama, adat resam, norma dan tradisi.

Pada majlis itu, Endon turut menyampaikan wang penghargaan daripada Puspanita kepada anak anggotanya yang mendapat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).